

Jururawat tamat kursus latihan haemodialisis

Seramai 30 orang jururawat dari hospital swasta seluruh negara berjaya menamatkan Kursus Latihan Asas Rawatan Haemodialisis di Pusat Latihan NKF, Petaling Jaya, Selangor baru-baru ini.

MENJAGA orang sakit bukanlah sesuatu perkara yang mudah apatah lagi apabila ditugaskan untuk menjaga pesakit-pesakit tidak dikenali.

Baru-baru ini, seramai 50 orang jururawat dan pegawai perubatan telah berjaya menamatkan Kursus Latihan Asas Rawatan Haemodialisis.

Haemodialisis merupakan proses mencuci atau membersihkan darah. Kursus tersebut merupakan anjuran Persatuan Buah Pinggang Kebangsaan Malaysia (NKF) di Pusat Latihan NKF, Petaling Jaya, Selangor.

NKF merupakan sebuah badan bukan kerajaan (NGO) yang bertujuan untuk membantu masyarakat Malaysia yang menghadapi kerosakan buah pinggang di samping mereka yang tidak mempunyai dana menjalani rawatan dialisis.

Setakat ini, NKF mempunyai lebih 1,600 pesakit dialisis dan sebanyak 28 pusat dialisis seluruh negara.

Sejak tahun 2005, NKF telah menganjurkan kursus latihan secara berkumpulan. Ia bertujuan untuk melatih jururawat baharu mengenai



HONG WEE



KURSUS ini membolehkan para jururawat mengendalikan rawatan dialisis secara selamat.

kemahiran, pengetahuan dan sikap betul yang perlu ada bagi seorang jururawat dan pegawai perubatan untuk menjalankan haemodialisis.

Selepas berjaya menamatkan kursus-kursus tersebut, jururawat dan pegawai perubatan perlu mengendalikan kursus rawatan dialisis secara selamat dan tepat.

"Proses haemodialisis bukanlah satu proses yang senang kerana ia memerlukan penjagaan rapi," ujar Ketua Pegawai Eksekutif NKF, Chua Hong Wee.

Haemodialisis bukan sahaja terhad kepada menjaga pesakit-

pesakit mereka melakukan dialisis. Jururawat dan pegawai perubatan perlu mengetahui cara pengendalian mesin dan kaunseling kepada pesakit.

Pusat Latihan NKF menawarkan program latihan yang komprehensif untuk jururawat dan pegawai-pegawai perubatan. Latihan tersebut dijalankan sebanyak tiga kali setahun.

Seramai 50 orang dari Kumpulan 23 telah berjaya menamatkan kursus latihan mereka baru-baru ini. Kumpulan 23 itu terdiri daripada 10 orang pekerja NKF, badan bukan

kerajaan (10 orang) dan hospital swasta di sekitar Malaysia (30 orang).

Kesemua peserta telah menjalankan latihan selama enam bulan sejak 7 Oktober tahun lalu.

Antara kursus latihan yang diadakan ialah Fisiologi Renal Gunaan, Prinsip Dialisis, Pengawalan Jangkitan, Aspek Diet dalam Haemodialisis Kronik, Isu Etika dalam Dialisis, Prinsip Pengurusan, Kemahiran Kaunseling, Prosedur Haemodialisis dan Penjagaan Rapi.

Salah seorang peserta, Aizura Mohamed berkata, kursus latihan yang dijalankan oleh NKF tidak semudah yang disangkakan.

"Sungguhpun begitu, kursus latihan tersebut telah membentuk saya menjadi seorang jururawat yang lebih berkeyakinan di samping berupaya untuk menjaga pesakit-pesakit nanti," katanya.

Sementara itu, Hong Wee berkata, Penyakit Kronik Buah Pinggang merupakan satu penyakit yang tidak mempunyai ubat-ubatan khusus dan pesakit perlu bergantung kepada perubatan dialisis.

Sejak tahun 1993, bilangan pesakit yang didaftarkan dan mengikuti rawatan dialisis secara kerap telah meningkat sebanyak 22 kali ganda.

"Secara tidak langsung, jururawat dan pegawai perubatan yang bertauliah diperlukan untuk membantu menjaga pesakit-pesakit dialisis," ujarnya.